



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

TALIAN KHAS BANTU PERMASALAHAN PERKAHWINAN

KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) hari ini melancarkan talian khas 1-800-82-0300 yang dinamakan sebagai *Helpline FamilyCare@LPPKN*.

Talian bebas tol *Helpline FamilyCare@LPPKN* adalah perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan keluarga oleh kaunselor berdaftar yang diwujudkan oleh LPPKN bagi menangani isu kekeluargaan, pasangan dan perkahwinan secara tele-kaunseling (panggilan telefon) dan bersemuka secara maya (e-kaunseling).

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun, kewujudan Talian *Helpline FamilyCare* ini merupakan alternatif terbaik kepada media sosial yang mungkin digunapakai sebagai saluran tunggal pengguna Twitter dan Facebook bagi meluahkan apa jua masalah.

“Talian *Helpline FamilyCare* membolehkan masalah dikongsikan secara profesional serta membimbing klien dalam mengambil keputusan selanjutnya. Talian khas ini juga boleh mewujudkan keharmonian dalam setiap sesi perkongsian yang dikendalikan oleh para kaunselor LPPKN yang berpengalaman”, jelas Datuk Seri Rina Mohd. Harun dalam ucapan pada majlis pelancaran *Toll Free Helpline FamilyCare@LPPKN*, di sini.

Setakat 29 Oktober 2021, Talian *Helpline FamilyCare* telah menerima sebanyak 533 kes yang majoritinya melibatkan golongan wanita, iaitu sebanyak 71 peratus.

LPPKN telah melantik seramai 18 orang kaunselor keluarga bertauliah dan mempunyai kredibiliti dalam bidang psikologi bagi menyantuni klien secara dalam talian. KPWKM mensasarkan akan menerima lebih seribu pemanggil menjelang akhir November ini.

Inisiatif KPWKM ini membuktikan bahawa Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani isu semasa dalam Keluarga Malaysia dan bukan sekadar laungan suara.

Turut hadir adalah Mohd Yusri Bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM dan Abdul Shukur Bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara